



Headline: Scam tahap membimbangkan
Publication/Portal: Utusan Malaysia
Date: 28 August 2019

Language: Malay
Section: Dalam Negeri
Page: 12

Scam tahap membimbangkan

UTUSAN: Kenapa masih ramai yang terpedaya?

SHAHUL HAMID: Scam ini semakin lama semakin menjadi-jadi. Saya percaya masyarakat masih lagi tidak memahami apa itu *scam* dan bagaimana gejala tersebut berfungsi walaupun pihak media telah memainkan peranan mereka untuk memberi kesedaran kepada masyarakat.

Pelbagai usaha dijalankan bagi mengekang masalah ini namun masih kurang berjaya. Di mana silapnya?

Polis dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) perlu berusaha dengan lebih keras bagi mengesani *scam* ini secara serius, saya rasa apa yang telah dilakukan ketika ini masih belum cukup untuk menghentikan jenayah tersebut di negara ini.

Apa yang harus kita lakukan sekarang untuk mendapatkan jalan penyelesaian segera?

Saya yakin kebanyakan *scam* beroperasi di dalam negara. Cara-cara atau modus operandi mereka bermula dari dalam negara. Tetapi kita tidak boleh menolak kemungkinan bahawa

MUKADIMAH

5 SOALAN

APABILA berbicara tentang *scam* seumpama tiada jawapan tuntas bagi menjawab persoalan mengapa permasalahan ini masih lagi berlaku di sebalik kerja keras pihak berkuasa dan amaran yang diberikan bagi membanterasnya.

Ironinya, permasalahan berkenaan gejala ini semakin meruncing dengan jumlah mereka yang terpedaya semakin meningkat sebab hari. Ikuti wawancara wartawan **AZRUL HAKIMIE ANUER** bersama pakar kriminologi bebas, **DATUK SHAHUL HAMID ABD. RAHIM**.



scam ini beroperasi di luar negara melalui medium media sosial.

Bagaimana tuan melihat aktiviti *scam* di Malaysia, sudah teruk atau masih terkawal?

Membimbangkan kerana sa-ban hari kita nampak ada sahaja laporan yang dibuat dan ada juga mangsa-mangsa yang be-rasa takut. Saya anggap perkara

ini dalam keadaan yang serius dan berharap isu ini dapat ditangani seberapa segera yang boleh.

Nasihat kepada orang ramai.

Kerajaan dan media perlu memainkan peranan dalam me-nyebarkan sebanyak mungkin berita tentang kejadian *scam* ini supaya jelas masyarakat mene-rimanya.